



LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA

BOARD OF ENGINEERS MALAYSIA

TINGKAT 17, IBU PEJABAT JKR
KOMPLEKS KERJA RAYA MALAYSIA
JALAN SULTAN SALAHUDDIN
50580 KUALA LUMPUR
MALAYSIA



Certified to ISO 9001 : 2008
Cert. No. : AR 2227

YANG DIPERTUA :
Dato' Ir. Haji Annies bin Md. Ariff

PENDAFTAR :
Ir. Hizamul-din bin Ab. Rahman

SETIAUSAHA :
Ir. Ruslan bin Abdul Aziz

Ruj.Kami: BEM/PBL/01-04
(IHL 2015)

Tarikh: 23 Februari 2015

Senarai edaran di Lampiran A

YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Dato'/Tuan/Puan,

PENGGUNAAN GELARAN "Engr." OLEH AHLI-AHLI INSTITUSI JURUTERA MALAYSIA (IEM)

Dengan hormatnya dimaklumkan Akta Pendaftaran Jurutera telah digubal dan diluluskan oleh Parlimen pada tahun 1967 untuk melindungi keselamatan, kesihatan dan kepentingan orang awam dengan menetapkan proses pendaftaran graduan kejuruteraan sebagai Jurutera Siswazah dalam profesi kejuruteraan untuk melayakan mereka menjadi "Jurutera Profesional" yang mana hanya Jurutera Profesional sahaja dibenarkan memberi perkhidmatan kejuruteraan profesional kepada orang awam.

2. Status professional, gelaran dan kelayakan dalam amalan kejuruteraan telah ditetapkan menurut perundangan dalam Akta Pendaftaran Jurutera 1967 supaya orang awam tidak keliru siapakah "Jurutera Profesional" yang boleh memberi perkhidmatan kejuruteraan profesional dan memikul tanggungjawab sepenuhnya bagi kerja-kerja mereka.

3. Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) telah meneliti dari sudut perundangan dan merujuk kepada Penasihat Undang-Undang Kementerian Kerja Raya (KKR) bahawa penggunaan gelaran "Engr." adalah melanggar undang-undang yang diperuntukan di bawah Seksyen 7(1)(aa)(ii) Akta Pendaftaran Jurutera 1967 –

"7(1) No person shall, unless he is a Professional Engineer –

(aa) be entitled to describe himself or hold himself out under any name, style or title -

(i) bearing the words "Professional Engineer" or the equivalent thereto in any other language;

- (ii) *bearing any other word whatsoever in any language which may reasonably be construed to imply that he is a Professional Engineer;”*
- (iii) *using the abbreviation “Ir.” before his name or the abbreviation “P.Eng.” after his name or in any way in association with his name;*

Ini bermakna sesiapa pun tidak boleh menggunakan apa-apa gelaran yang boleh membawa maksud dan memberi gambaran atau idea (selain dari “Ir.” atau “P.Eng.”) bahawa beliau adalah “Jurutera Profesional”.

4. Seksyen 7(1)(aa)(ii) tersebut di atas telah wujud sejak 1967 dalam Akta Pendaftaran Jurutera 1967. Sama juga dengan undang-undang yang sedia ada di Malaysia seperti Legal Profession Act (Section 37(1)(b)), Medical Act (Section 33(1)) dan Licensed Land Surveyors Act (Section 19) dan lain-lain peruntukan perundangan yang sama juga digunakan oleh Badan-Badan Profesional luar negara diantaranya Professional Engineers Ontario, Canada (Division 40), Board of Professional Engineers Act Queensland Australia (Part 7 Section 11A) dan Professional Engineers Act Singapore (Part III Section 10(3)).

5. Sekiranya Seksyen 7(1) Akta Pendaftaran Jurutera 1967 tidak dipatuhi, peruntukan undang-undang akan menjadi lumpuh dan beberapa “consequences” yang tidak diingini seperti –

- (a) Ia akan “jeopardy” akta profesional yang lain yang mempunyai peruntukan yang sama dimana membenarkan siswazah memperkenalkan dirinya sebagai profesional Arkitek, Surveyor, Peguam, Doctor dan sebagainya.
- (b) Sesiapa sahaja yang tidak mempunyai kelulusan boleh menggunakan gelaran yang memperkenal diri mereka sebagai profesional termasuk orang asing.
- (c) Lebih penting bagi Malaysia yang akan meliberalisasikan sektor perkhidmatannya mesti berhati-hati (vigilant) bahawa hanya profesional yang berdaftar di bawah sesuatu akta sahaja layak menggunakan gelaran yang diperuntukan kepadanya bagi memperkenalkan dirinya sebagai seorang profesional.
- (d) Akta Pendaftaran Jurutera 1967 yang dipinda pada tahun 2014 adalah untuk mengelakan kemasukan **jurutera asing tidak mahir** termasuk mereka yang menyamar sebagai Jurutera Profesional yang boleh menggunakan gelaran seperti “Engineer” dan sebagainya.

(e) Perkara utama ialah rakyat akan keliru dan keselamatan mereka akan terancam jika sesiapa sahaja (termasuk siswazah kejuruteraan) boleh memperkenalkan diri mereka sebagai jurutera dan disalah takrifkan sebagai "Jurutera Profesional".

6. Untuk makluman, Akta Pendaftaran Jurutera 1967 (Pindaan 2014) memberi kebenaran Jurutera Siswazah berdaftar di LJM layak menggunakan gelaran "Grad.Eng." selepas nama mereka dan bukan lain-lain gelaran.

7. Isu untuk menggunakan gelaran "Engr." oleh ahli-ahli IEM telah dibangkitkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri. Kementerian Kerja Raya telah memberi penjelasan ketidakwajaran penggunaan gelaran "Engr." dari segi undang-undang.


8. Sehubungan dengan itu, kerjasama semua institusi pengajian tinggi di Malaysia adalah diminta memaklumkan kepada kakitangan akademik, pelajar-pelajar dan graduan-graduannya untuk tidak menggunakan gelaran "Engr." demi mematuhi undang-undang negara dan mengelakan kekeliruan orang awam.

9. Pelanggaran Akta Pendaftaran Jurutera 1967 boleh diambil tindakan di bawah Seksyen 25(1) –

"25. (1) *Any person, sole proprietorship, partnership or body corporate who contravenes this Act or any regulations made thereunder shall be guilty of an offence and shall, where no penalty is expressly provided therefore, be liable, on conviction, to a fine not exceeding ten thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding one year, or to both."*

Sekian dimaklumkan.

Yang benar,


(Ir. HIZAMUL-DIN BIN AB RAHMAN)
Pendaftar
LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA
At 2/15